

05 JUL 1996

PENJUAL DAN PENGEDAR BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGIKLANAN

JOHOR BAHARU, 5 Julai (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berharap penjual dan pengedar sesuatu produk tidak mengeluarkan iklan yang mengandungi maklumat yang tidak benar.

Timbalan menteri berkenaan, Datuk S.Subramaniam hari ini berkata kementerian menerima banyak aduan daripada pengguna mengenai iklan yang disiarkan menerusi media elektronik.

Penjual dan pengedar diharap tidak membuat iklan yang boleh mengelirukan pengguna semasa mereka mempromosikan sesuatu produk, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat mengenai pembangunan Johor di Bilik Gerakan Tun Hussein Onn di sini sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berharap pihak berkenaan perlu membuat penapisan terlebih dahulu sebelum membenarkan sesuatu iklan disiarkan menerusi media elektronik," katanya.

Subramaniam berkata masalah penipuan dijangka akan dapat diatasi apabila kajian mengenai iklan media elektronik dan cetak yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan selesai tidak lama lagi.

Buat masa ini, kajian itu dalam peringkat akhir dan dijangka dikemukakan kepada kerajaan dalam masa satu atau dua bulan lagi, katanya.

-- BERNAMA

BH AHH